

Kuktem kini Universiti Malaysia Pahang (UMP)

PUTRAJAYA 1 April - Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai universiti awam berstatus universiti penuh pertama adalah hasil perancangan strategik antara Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed berkata, kewujudan UMP yang terletak dalam lingkungan Koridor Timur, menjadikannya sebagai sebuah universiti yang mempunyai peranan bermakna dalam usaha meningkatkan taraf hidup rakyat di kawasan ini.

"Malah sebagai sebuah universiti awam yang menjalankan program pengajian teknikal yang seimbang dan bersepadu, ia memikul tanggungjawab menyediakan keperluan modal insan dalam bidang-bidang kritikal.

"Kewujudan UMP amat penting bagi membantu kerajaan mencapai matlamat yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Misi Nasional," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pengisytiharan Nama dan Pelancaran Logo UMP oleh Sultan Pahang, Sultan Ah-

mad Shah di sini malam ini.

Teks ucapannya dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Mohd. Taib Hashim.

Mustapa berkata, hala tuju pembangunan negara dibentuk oleh wawasan, pemikiran serta daya usaha yang lahir hasil gabungan antara para pemimpin dengan cendekiawan universiti.

Oleh itu, katanya, kerajaan merangka dasar yang memberi penekanan kepada perpaduan, pertumbuhan ekonomi dan keseimbangan sosial.

"Untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, kemudahan infrastruktur kelas pertama sahaja tidak memadai kerana institusi sosial dan budaya kelas pertama perlu mengiringi pembangunan ekonomi agar segala cabaran dan dugaan berjaya diharungi," katanya.

"Bagi merealisasikan matlamat ini, kerajaan telah menyediakan dasar dan rangka kerja pelaksanaan baru dalam Misi Nasional yang menggariskan pelbagai pendekatan untuk dilaksanakan dalam tempoh 15 tahun (2006 - 2020)," katanya.